



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

KEMBARA PERPADUAN

Sempena

**SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT
NEGERI PULAU PINANG 2024**

11 MEI 2024 (SABTU) | JAM : 8.30 PAGI

**DEWAN MILENIUM
KEPALA BATAS, NEGERI PULAU PINANG**

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis.

(SALUTASI)

.....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Perpaduan, dan Salam Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa kesyukuran kepada Allah wst kerana dapat bersama-sama pada hari ini dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak kerana sudi melapangkan waktu untuk merasmikan **PROGRAM SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN TAHUN 2024 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG.**
2. Keadaan yang aman negara kita Malaysia selama ini telah membolehkan kerajaan merancang pembangunan negara dan membawa kemajuan dan kemakmuran untuk rakyat jelata. Hari ini kita membuktikan perpaduan adalah kunci keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara. Memetik kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussin, Perdana Menteri Malaysia ke dua,

“eloquently puts it and I quote, without (unity) harmony, there will be no progress and without progress, there will be no prosperity!”

3. Perpaduan dan kepelbagaian kaum, budaya serta kepercayaan agama di Malaysia adalah aset penting yang perlu dipelihara dan dipertahankan oleh semua rakyat Malaysia.
4. Sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaian latar belakang, sikap hormat menghormati dan tolong-menolong perlu berada pada tahap yang tinggi. Sikap ini perlu dihayati oleh setiap lapisan masyarakat di setiap peringkat. Pemahaman adalah kunci pada suatu penerimaan yang akan menepis segala kegusaran tersebut.
5. Maka, menjadi kemestian bagi setiap dari kita untuk memahami budaya, bahasa, agama dan cara hidup setiap kaum yang ada dalam negara ini. Apabila kita saling memahami, maka ruang untuk saling menerima dan bertoleransi akan terbuka lebih luas serta jurang perbezaan antara kaum dapat dikurangkan. Secara tidak langsung, tentunya ini dapat memupuk semangat kesatuan dalam masyarakat.

Tuan Yang Terutama Tun, Tan Sri/Puan Sri/Dato'/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

6. Untuk makluman bersama, Sambutan Minggu Perpaduan merupakan satu program khusus yang disambut dalam bulan Mei pada setiap tahun. Bagi Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara kini sedang dalam peringkat akhir persiapan yang akan disambut di Johor Bahru, Johor pada 20 hingga 26 Mei 2024.
7. Keharmonian perlu dipelihara, dipupuk dan diterapkan dalam diri bermula daripada diri sendiri dan kemudian diwariskan kepada generasi seterusnya. Kita semua perlu ingat, setiap daripada kita bertanggungjawab dan berperanan dalam menjaga keharmonian, kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara yang dicintai.
8. Bagi memastikan keharmonian rakyat berbilang bangsa terus terpelihara, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui pelaksanaan program-program perpaduan dalam memastikan perpaduan rakyat di negara ini tercapai dan dinikmati oleh generasi masa depan.

9. Saya dan Kementerian Perpaduan Negara berdoa dan berharap agar objektif majlis dan program yang dianjurkan ini dapat dicapai dan semoga kita dapat bekerjasama dengan lebih erat lagi pada masa hadapan untuk memperkukuh perpaduan dan keharmonian negara berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Tuan Yang Terutama Tun, Tan Sri/Puan Sri/Dato'/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

10. Sebelum mengakhiri ucapan aluan ini, saya amat berterima kasih kepada Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak atas kesudian untuk hadir bersama dan merasmikan majlis ini.
11. Ini jelas menunjukkan komitmen kita semua untuk terus menyatukan seluruh Bangsa Malaysia serta dijadikan sebagai teras perpaduan yang merupakan kunci utama kepada keharmonian rakyat dan negara.
12. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada pihak Jabatan Perpaduan Negeri dan Intergrasi Nasional Negeri Pulau Pinang serta semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan

Kembara Perpaduan sempena Sambutan Minggu
Perpaduan hari ini.

13. Terimalah serangkap pantun dari saya:

Harum mewangi bunga di para,
Disusun tinggi di alas bata,
Perpaduan rakyat agenda negara,
Menjadi tanggungjawab kita semua.

Sekian terima kasih.